



PENYALAHGUNAAN DADAH

Kesan Dan Langkah Pencegahan

Masalah penyalahgunaan dadah semakin meruncing saban tahun di kalangan warga Malaysia. Menurut Agensi Anti Dadah Kebangsaan, (2003) statistik pada tahun 1998-2003 terdapat seramai 255,725 penagih dadah di mana merangkumi 1.02% jumlah penduduk Malaysia. Manakala purata pertambahan Penagih baru pada tahun 1999-2003 seramai 17,174 setahun. Jika berterusan dengan kadar sama jumlah penagih dijangka 461,000 pada tahun 2015 (sedangkan pada tahun inilah diisitiharkan tahn Malaysia bebas dadah). Jika dianalisis profil penagih pula, pada tahun 1999-2003 seramai 72%-76% penagih adalah di kalangan belia. Manakala Kes 'Relapse' iaitu penagihan semula adalah melebihi 75%. Di samping itu, didapati Dadah Sintetik ; ATS (*Amphetamine Type Stimulants*) semakin popular digunakan di kalangan belia. Dadah jenis ini adalah lebih bahaya kerana boleh menyebabkan penagih menjadi semakin ganas selain kerosakan otak yang teruk. Statistik menunjukkan pada tahun 1999 terdapat 942 kes ATS manakala pada tahun 2003 telah meningkat sebanyak 3,625 kes ATS.

Gejala najis dadah ini jika dibiarkan berterusan sudah tentu boleh memudaratkan negara dalam jangka masa panjang. Lantaran itu, hasrat negara untuk menghasilkan rakyat yang bersifat *Global Players* di mana boleh bersaing dalam arus globalisasi tentunya akan gagal. Pepatah Melayu juga menyebut, Pemuda Harapan Bangsa, Pemudi Tiang Negara. Justeru, seandainya pemuda dan pemudi negara hanyut dalam permasalahan sosial terutamanya terlibat dengan gejala najis dadah siapa lagi pelapis dan pemimpin masa depan. Lantaran itu, usaha membentras gejala najis dadah ini haruslah digalas oleh semua lapisan masyarakat demi mengangkat persada negara agar dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bangsa dan negara yang lain di seluruh dunia.

PENGERTIAN DAN PENYALAHGUNAAN DADAH

Dadah secara umumnya adalah sejenis bahan yang digunakan untuk tujuan perubatan. Namun, apabila adanya kemudahan teknologi moden dan permasalahan sosial yang tinggi di kalangan masyarakat dunia umumnya dan Malaysia khususnya maka dadah telah disalahguna untuk tujuan kononnya sebagai penghibur, penyelesaian masalah, meningkatkan ketahanan, keberanian dan sebagainya lagi. Apa yang jelas, penyalahgunaan dadah tersebut sebenarnya telah merosakkan sistem badan dan juga menjelaskan maruah diri.

Menurut Agensi Anti Dadah Kebangsaan, (1998) dadah merupakan bahan psikoaktif yang mempunyai ciri-ciri berikut ; Membawa kesan buruk kepada sistem saraf pusat, digunakan bukan untuk tujuan perubatan, diperolehi secara haram, membawa pergantungan fizikal serta psikologi dan memberi kesan buruk kepada kesihatan dan fungsi sosial.

Di samping itu, Mahmood Nazar Mohamad dan Md. Shuaib Che Din, (2003) menjelaskan para penagih menggunakan dadah kerana pelbagai sebab. Namun demikian mereka tidak dapat meninggalkannya kerana satu sebab utama iaitu untuk mengelakkannya daripada mengalami sindrom putus dadah (*withdrawal syndrome*). Melalui pengambilan dadah jenis heroin, sindrom putus dadah akan dialami dalam jangkamasa 4-6 jam sahaja selepas pengambilan dos terakhir. Penagih akan mengalami gejala seperti cirit-birit, sakit perut, rasa sejuk,

berpeluh, rasa loya, perasaan gelisah dan takut. Gejala ini memuncak selepas kira-kira 24 jam sehingga 72 jam. Mereka mengalami masalah tidak dapat tidur serta perasaan gelisah berpanjangan tanpa sebab yang jelas. Semua gejala ini dapat dihapuskan dengan pengambilan semula heroin pada dos yang semakin meningkat.

Dadah terbahagi kepada beberapa jenis, di antaranya daripada sumber tumbuh-tumbuhan seperti kanabis, ganja, heroin dan morfin. Selain itu terdapat juga dadah sintetik iaitu ATS (*Amphetamine Type Stimulants*) di mana semakin hari semakin popular digunakan. Dadah ini kebanyakannya dalam bentuk pil dan dikenali dengan Pil Ecstasy dan juga Pil Kuda. Dadah jenis ini lebih bahaya kerana boleh menyebabkan penagih menjadi semakin ganas selain kerosakan otak yang teruk. Kebanyakan dadah ini datangnya daripada Eropah dan menjadikan Malaysia sebagai transit untuk pengedaran ke negara-negara seperti Amerika Selatan, Australia, Thailand dan juga Hong Kong. (Agensi Anti Dadah Kebangsaan, 1998).

Di Malaysia lazimnya penagih dikategorikan kepada dua iaitu Penagih Tegar dan Penagih Ringan. Penagih Tegar adalah mereka yang menggunakan dadah untuk jangkamasa 10 tahun dan telah menerima rawatan lebih daripada dua kali di Pusat serenti. Manakala Penagih Ringan adalah penagih yang menggunakan dadah untuk jangkamasa yang pendek dan belum lagi dirawat ataupun baru pertama kali dirawat.

SEBAB-SEBAB DAN TANDA-TANDA AWAL PENGAMBILAN DADAH.

Menurut kajian Agensi Anti Dadah Kebangsaan, (1998) terdapat beberapa sebab mengapa penagih mengambil dadah. Di antaranya ialah pengaruh rakan sebaya. Memilih rakan bolehlah diibaratkan berkawan dengan tukang besi ataupun penjual minyak wangi. Jika berkawan dengan tukang besi, walaupun seseorang itu tidak mengetuk ataupun membakar besi, tetapi asap dan arang daripada kerja rakan-rakannya tersebut masih tetap boleh mengenainya. Begitu juga, sekiranya berkawan dengan penjual minyak wangi, sedikit sebanyak dia membawa bau wangi yang dijual oleh rakannya itu pada pakaianya. Ringkasnya, seseorang itu kebiasaannya cenderung untuk terpengaruh dengan sikap, perangai dan tingkahlaku rakan yang sentiasa didampinginya. Jika kawannya baik, baiklah dia dan jika kawannya nakal, akan nakallah dia. (Hairunnaja, 2003).

Selain itu, perasaan ingin tahu dan secara tidak sengaja juga mencetuskan punca ketertiban penagih dengan dadah. Menurut Noraini Ahmad (1996) perasaan ingin tahu kebanyakannya berlaku di kalangan remaja kerana para remaja terdedah kepada krisis identiti sepanjang proses perkembangan remaja sebelum mencapai peringkat dewasa. Di samping itu, situasi sebegini juga boleh mendorong pelajar mengalami tekanan jiwa yang kronik seandainya mereka gagal menyesuaikan diri di alam remaja. Natiyahnya, ia boleh menyumbang kepada sebab-sebab individu terlibat dengan dadah.

Masalah keluarga juga menjadi penyumbang kepada ketertiban individu dengan najis dadah. Menurut Hairunnaja, (2003) di antara isu-isu keluarga yang boleh menyumbangkan permasalahan di kalangan remaja ialah ;

- a. Status ekonomi keluarga yang rendah dan daif di mana anak membesar dalam keadaan terbiar.
- b. Ibubapa lebih mementingkan kerjaya atau pekerjaan daripada menjaga kebajikan keluarga.
- c. Rumah tangga yang tidak kukuh atau bercerai berai
- d. Sikap ibubapa yang terlalu memanjakan anak-anak
- e. Ibubapa bersikap pilih kasih terhadap anak-anak.

Kalau ditinjau dari aspek tanda-tanda awal pengambilan dadah, Agensi Dadah Kebangsaan, (1998) telah menggariskan tujuh tanda-tanda awal kearah pengambilan dadah :

- a. Mula ponteng kerja tanpa memberikan alasan yang munasabah.
- b. Sekiranya berlaku sesuatu kes, mereka cepat meradang
- c. Mula memencilkkan diri dan tidak banyak bercakap dan bertegur sapa.
- d. Sekiranya diberikan tanggung jawab mereka akan mengelak dengan pelbagai alasan.
- e. Mata mereka nampak berkaca-kaca dan berair
- f. Berlaku kemerosotan rupa paras dan penampilan diri
- g. Kerap kali meminta wang berlebihan dari keluarga.

KESAN-KESAN PENAGIHAN DADAH

Berikut adalah beberapa kesan penagihan najis dadah,

Kesan Kepada Diri dan Keluarga.

Menurut Abdullah Al Hadi & Iran Herman, (1997) seseorang penagih itu akan hilang maruah diri dan tidak menghormati ibubapa. Mereka hilang maruah diri kerana menjadikan tempat-tempat kotor sebagai rumah mereka, tidak lagi menjaga kekemasan diri dan kerap kali mencuri serta melakukan jenayah. Mengikut kajian Yahya Don, (2000) penagihan dadah akan mendorong mereka melakukan jenayah dalam tiga situasi iaitu ;

- i. Impak dadah itu sendiri akan menyebabkan mereka melakukan jenayah kerana sudah tidak lagi stabil minda dan perasaannya.
- ii. Kos dadah yang begitu tinggi menyebabkan pengguna dadah melakukan jenayah untuk menyara tabiat ketagihan
- iii. Melakukan jenayah dari aspek pengedaran dadah.

Selain itu, penagih juga mula menunjukkan perubahan dari aspek fizikal seperti kurus, tidak bertengara, bertindak ganas akibat rasa ketagihan yang berlebihan. Di samping itu mereka juga terdedah dengan penyakit HIV melalui sikap berkongsi jarum dan mengamalkan seks bebas.

Para penagih juga memberi impak yang besar kepada keluarga. Apa yang jelas, nama baik keluarga tentunya tercemar di kalangan masyarakat. Selain itu mereka juga menjadi beban kepada keluarga kerana terpaksa mengeluarkan wang yang banyak akibat sindrom ketagihan melampaui yang dihingga oleh penagih tersebut. Justeru, kebanyakan para penagih menghadapi kesan pemulauan oleh keluarga sendiri dan tidak kurang juga di mana rumah tangga yang dibinanya porak peranda dan bercerai berai.

Kesan Kepada Masyarakat dan Negara.

Kesan utama kepada masyarakat ialah keharmonian kehidupan mula terganggu akibat kesan jenayah yang banyak dilakukan oleh golongan ini. Tidak cukup dengan itu, terdapat juga kes-kes bunuh dan rogol dilakukan oleh para penagih. Di samping itu, golongan pengedar dadah yang sentiasa mencari pengguna baru yang menjadikan golongan remaja sekolah sebagai sasaran mereka menyebabkan para ibubapa dan masyarakat cukup bimbang dengan keselamatan anak-anak remaja mereka. Manakala tersebutnya penyakit HIV di kalangan penagih telah memberi kesan sampingan kepada masyarakat awam yang tidak bersalah.

Gejala najis dadah juga memberi impak yang besar kepada negara. Di antaranya ialah :

- i. Negara kerugian tenaga yang produktif untuk membantu membangunkan negara. Penglibatan golongan belia yang dominan dalam penagihan dadah memungkinkan negara kekurangan pelapis pemimpin yang berkarisma, berwasasan dan bertanggungjawab pada masa hadapan.
- ii. Negara menanggung kos mencecah ratusan juta ringgit dalam menguruskan aspek pencegahan, penguatkuasaan dan pemulihan penagih dadah.
- iii. Imej negara dikacamata dunia juga terjejas.
- iv. Negara kerugian masa dan tenaga yang banyak dalam membentras najis dadah
- v. Pendapatan pelancongan negara boleh menurun akibat ancaman jenayah dan penyakit akibat penagihan najis dadah.

LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN

Berikut adalah beberapa langkah pencegahan yang boleh dilakukan untuk membentras gejala najis dadah ;

Memperkuatkan Jatidiri.

Ramai di kalangan penagih menyatakan di antara sebab utama mereka terlibat dengan najis dadah kerana tidak dapat menguruskan tekanan dan permasalahan hidup. (ADK, 1998). Justeru, mereka mula mencari unsur-unsur *escapism* agar mereka dapat melupakan masalah yang dihadapi kononnya dengan mudah. Lataran itu, kita sebagai insan biasa haruslah sentiasa berusaha untuk mengelakkan perkara tersebut dengan memperkuatkan mental, emosi dan spiritual. Allah telah berfirman dalam Surah Ar-Rad (ayat 11);

"Tuhan tidak akan mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum kecuali kaum itu mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri".

Bagi memperkuatkan jatidiri, kita haruslah bersandarkan kepada ilmu. Justeru, kita haruslah berusaha mendapatkan ilmu-ilmu berkenaan sama ada menurut perspektif agama, kaunseling dan pelbagai cabang ilmu yang lain. Umumnya ilmu tersebut boleh didapat menerusi pembacaan, menghadiri majlis-majlis ilmu, belajar secara formal dan pelbagai kaedah lagi. Sekiranya kita memperlengkapkan diri dengan ilmu secara langsung ianya dapat mendindangkan diri daripada pengaruh rakan, pengaruh persekitaran dan yang paling penting ialah pengaruh iblis yang sentiasa mendorong kepada kemaksiatan dan kemungkaran.

Memperkasakan Keluarga.

Keluarga cemerlang akan melahirkan anak gemilang di mana akan membantu membentuk negara yang terbilang. Justeru, institusi keluarga haruslah diperkuatkan. Menurut Md. Hashim Yahaya, (1987) teras utama pembinaan keluarga ialah 'kasih sayang'.

Kebanyakan keluarga tidak menggunakan elemen kasih sayang seoptimum mungkin. Kasih sayang ini sepatutnya ditonjolkan menerusi perbuatan dan bukannya hanya disimpan di dalam hati seperti mana pepatah inggeris menyebut *'Love is a verb'*.

Justeru, kasih sayang tersebut haruslah meliputi hubungan dengan isteri dan anak-anak. Bagi membina hubungan kasih sayang, suami isteri haruslah saling menghormati dan berfikiran terbuka dalam menyelesaikan sesuatu masalah. Perbalahan didepan anak perlu dihindari. Selain itu, para ibubapa juga perlu menggunakan masa berkualiti dan sentiasa bertanya khabar serta sentiasa memberikan galakan dan penghargaan yang positif dalam membantu perkembangan minda dan emosi yang stabil di kalangan anak-anak mereka. Jika didikan sebegini dilaksanakan oleh semua isirumah Insya Allah dadah tidak akan berjaya mendekati keluarga kita.

Memperkuatkan Institusi Pendidikan .

Penglibatan penuntut dengan najis dadah adalah ditunjukkan oleh jadual di bawah ;

TAHUN	PENUNTUT SEKOLAH	PENUNTUT IPT	JUMLAH
2000	51	23	74
2001	61	29	90
2002	54	78	132
2003	144	140	284
2004 (SEPT)	69	49	118
JUMLAH	379	319	698

Sumber : Jabatan Narkotik PDRM

Berpandukan kepada statistik di atas, jumlah penglibatan penuntut sekolah dan IPT terhadap dadah menunjukkan pola yang menaik sepanjang tahun. Keadaan ini jika tidak dikawal tentunya akan memudaratkan negara. Justeru, institusi pendidikan perlu diperkuatkan hasil kerjasama yang mantap di kalangan ibubapa, guru-guru, agensi kerajaan dan swasta serta masyarakat. Ini bermakna sebarang salah laku disiplin seperti merokok, gangsterism, lumba motor haram, mengugut dan sebagainya lagi perlu dibentras dengan segera. Selain bersifat tegas, elemen psikologi dan kaunseling juga perlu seiring bagi membentuk sahsiah pelajar. Di antara langkah-langkah yang boleh dilaksanakan ialah menghargai diri mereka, melaksanakan kempen senyum, dampingi mereka, bijak mendengar, empati dan memahami emosi remaja. Diantara ciri-ciri emosi remaja ialah rendah diri, bimbang, tidak dapat mengendalikan perasaan cinta, tidak yakin pada diri sendiri, mudah tersentuh, moody, pemuas dan tidak stabil. (Noraini Ahmad, 1996). Ini bermakna pemahaman yang jelas terhadap perkembangan emosi remaja dapat membantu mereka mempertingkatkan maruah dan nilai diri sebagai benteng untuk tidak terlibat dengan gejala najis dadah.

Menyatupadukan Institusi Masyarakat

Bersatu Teguh , Bercerai Roboh ; itulah ungkapan pepatah Melayu. Ini bermakna semua lapisan masyarakat tidak kira kaum perlu bersama membasmikan najis dadah. Kegiatan Rukun Tetangga perlu diperluaskan lagi. Selain itu, fungsi Jawatan Kuasa Keselamatan Kampung juga perlu diperkuatkan. Kerjasama harus ditingkatkan lagi agar pengendaran dan penagihan najis dadah tidak berlaku di kawasan petempatan mereka. Bagi memantapkan lagi tugasannya menjaga kawasan mereka kerjasama dengan RELA dan juga polis perlu diperkuatkan.

Disamping bekerjasama dalam pembenteraan gejala dadah, budaya hormat-menghormati di kalangan penduduk setempat perlu ditingkatkan. Sikap kepentingan diri haruslah disisihkan sebaliknya diganti dengan semangat kekitaan demi keharmonian sepanjang zaman.

Memperkuuh Jentera Penguatkuasa Pengedaran dan Penyeludupan Dadah.

Pihak kerajaan haruslah memperbanyakkan lagi tenaga kerja (staf) untuk membentras gejala pengedaran dadah. Selain itu, alatan dan kemudahan yang canggih perlu disediakan kerana pihak terbabit begitu bersedia dengan kelengkapan yang canggih bagi mencapai hasrat mereka. Sempadan negara juga harus diawasi dengan rapi. Segala unsur rasuah perlu dibersihkan demi memperkuuhkan imej anggota keselamatan di kaca mata masyarakat.

RUMUSAN

Adalah jelas dadah cukup berbahaya. Selagi adanya manusia yang rakus, tamak, tidak berperikemanusiaan, berkepentingan diri dan zalim dadah akan tetap ujud di kalangan masyarakat dunia umumnya dan Malaysia khususnya. Gilakan keuntungan telah memusnahkan generasi manusia. Namun, kejahatan akan dibalas dengan kejahatan pada akhirnya. Walaupun demikian, kita tidak seharusnya mudah pasrah dengan kegagalan. Usaha untuk melawan gejala dadah haruslah berterusan. Bertindak sendirian merugikan sebaliknya kerja berpasukan boleh memberikan impak yang lebih tinggi. Justeru, marilah kita bersama-sama berperang habis-habisan menentang gejala najis dadah.

Oleh :

HJ. HUZILI BIN HJ. HUSSIN

Timbalan Dekan

Putus Kemahiran Komunikasi & Keusahawanan

RUJUKAN

1. Abdullah Al Hadi & Iran Herman, (1997). Penagihan Dadah Mengikut Kaum, Diri, Keluarga dan Persekutuan. Kuala Lumpur : ADK
2. Agensi Dadah Kebangsaan, (1998). Kenali dan Perangi Dadah. Kuala Lumpur : ADK
3. Colombo Plan Drug Advisory Programme, (2003). Development of Family and Peer Support Groups : A Handbook on Addiction Recovery Issues. Colombo, Sri Lanka.
4. Colombo Plan Drug Advisory Programme, (2003). ATS Prevention : A Guidebook for Communities, Schools and Workplaces. Colombo, Sri Lanka.
5. Hairunnaja Najmudin, (2003). Memahami dan Membimbing Remaja Nakal. Kuala Lumpur : PTS Publications.
6. Mahmood Nazar Mohamad & Md. Shuaib Che Din, (2003). Memulihkan Penagih Tegar : Implikasi kepada Modaliti Masa Kini. Pengurusan Perkhidmatan Kerja Sosial di Malaysia, UUM.
7. Mahmood Nazar Mohamad, et.al., (1998). Keberkesan Rawatan dan Pemulihan Penagihan Dadah : Modaliti Kerohanian dan Tradisional di Malaysia. Laporan kajian IRPA tidak diterbitkan, UUM.
8. Md. Hashim Yahaya, (1987). Tanggungjawab Ibu Bapa dan Anak Menurut Islam. Kuala Lumpur : Dewan Pustaka Fajar.
9. Noraini Ahmad, (1996). Senario Kaunseling. Kuala Lumpur : Berita Publishing Sdn. Bhd.
10. Yahya Don, (2000). Penagihan Dadah dan Perlakuan Jenayah : Cabaran Kepada Pusat Serenti dan Masyarakat Masa Kini. Prosiding Seminar Kebangsaan Kerja Sosial 1999. UUM.